

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR
PERINGKAT NEGERI PAHANG DAN DAERAH MERSING, JOHOR
DI PADANG MPK2 KUANTAN, PAHANG
30 OKTOBER 2007

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SERI ADNAN HAJI YAAKOB
MENTERI BESAR PAHANG

YAB DATO' SERI IDRIS JUSOH
MENTERI BESAR TERENGGANU

YAB DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT
MENTERI BESAR KELANTAN

YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI OTHMAN
MENTERI BESAR JOHOR

YB DATO' SERI MOHD EFFENDI NORWAWI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

YB MENTERI-MENTERI KABINET

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI

DIF-DIF KEHORMAT

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR HE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN INAYAH-NYA, MAKA DAPAT KITA BERKUMPUL DI MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI.

2. HARI INI MENANDAKAN SATU ERA BARU YANG GEMILANG DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN NEGERI-NEGERI DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA, DAN DI NEGERI PAHANG SERTA DAERAH MERSING KHUSUSNYA. SEMALAM, SAYA TELAH MELANCARKAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (E.C.E.R.) DI TERENGGANU DAN KELANTAN. ALHAMDULILLAH, MAJLIS PELANCARAN TERSEBUT TELAH BERLANGSUNG DENGAN SEMPURNA.

3. PADA PAGI YANG PENUH KEBERKATAN INI, SAYA AMAT BERBANGGA KERANA DAPAT PULA BERADA DI KUANTAN BAGI MELANCARKAN FASA PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR BAGI NEGERI PAHANG SERTA DAERAH MERSING.

4. KERAJAAN TELAH MENGAGASKAN PEMBANGUNAN KORIDOR EKONOMI DI SERATA NEGARA, BAGI MEMACU PEMBANGUNAN DI WILAYAH-WILAYAH YANG SEBELUM INI MUNGKIN SEDIKIT TERCICIR DALAM KEPESATAN PEMBANGUNAN NEGARA.

5. KITA INGIN MEMASTIKAN BAHAWA TIDAK ADA SEORANG PUN RAKYAT MALAYSIA, TERMASUK DI NEGERI PAHANG, YANG KETINGGALAN DALAM ARUS PERDANA PEMBANGUNAN NEGARA. KITA MAHU AGAR KEMAKMURAN YANG TERSEMAT PADA NAMA "PAHANG DARUL MAKMUR" ITU JELAS TERPANCAR DAN TERZAHIR SECARA NYATA DAN SAKSAMA.

6. UNTUK ITU, KERAJAAN TELAH MENGAMANAHKAN PETRONAS UNTUK MENYUSUN SATU RANGKA TINDAKAN YANG AKAN MEMBANGUNKAN NEGERI-NEGERI DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG SECARA MAPAN DAN BERSEPADU.

7. RANCANGAN KITA CUKUP BESAR. KITA MAHU AGAR NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR MENCATATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT. KITA JUGA MENYASARKAN AGAR SEBANYAK 560,000 PELUANG PEKERJAAN BARU AKAN DAPAT DISEDIAKAN MENJELANG TAHUN 2020.

8. UNTUK MENCAPI SASARAN INI BUKANLAH MUDAH. TETAPI SAYA YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA KITA MAMPU UNTUK MENJAYAKAN RANCANGAN BESAR INI, SEKIRANYA DIIRINGI USAHA YANG GIGIH SERTA DOA YANG IKHLAS.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

9. PERANCANGAN YANG PENUH TELITI TELAHPUN DIGAGASKAN BAGI MENJANA PEMBANGUNAN YANG PESAT DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR. KEINDAHAN ALAM DAN KEKAYAAN SUMBER DI NEGERI PAHANG AKAN DIMANFAATKAN SEPENUHNYA BAGI MENCAPI TAHAP KEMAJUAN YANG CEMERLANG. PADA MASA YANG SAMA, MODAL INSAN YANG BERILMU DAN BERKEMAHIRAN AKAN DIGEMBLENG BAGI MELAKSANAKAN PERANCANGAN YANG TELAH DIRANGKA BAGI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR.

10. BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN INI, PEMBANGUNAN AKAN DITUMPUKAN KE ARAH LIMA TERAS EKONOMI UTAMA. TERAS EKONOMI UTAMA TERSEBUT ADALAH PEMBUATAN, PERTANIAN, PELANCONGAN, PENDIDIKAN, SERTA MINYAK, GAS, DAN PETROKIMIA.

11. SAYA INGIN MENGUMUMKAN BAHAWA NEGERI PAHANG TELAHPUN DIPILIH SEBAGAI HAB INDUSTRI PEMBUATAN DAN LOGISTIK BAGI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. SELARAS DENGAN ITU, NEGERI PAHANG AKAN MENJADI PUSAT BAGI KEGIATAN PEMBUATAN YANG BERNILAI TINGGI, DI SAMPING MENJADI LALUAN UTAMA BAGI HASIL PEMBUATAN DARIPADA WILAYAH INI UNTUK MENEMBUSI PASARAN GLOBAL.

12. SALAH SATU PROGRAM UTAMA DALAM PEMBENTUKAN HAB INI ADALAH RANCANGAN UNTUK MEMBANGUNKAN KUANTAN SEBAGAI SEBUAH BANDAR PELABUHAN BERSEPADU YANG AKAN DIKENALI SEBAGAI BANDAR PELABUHAN KUANTAN. INI ADALAH BERTEPATAN DENGAN PERANAN PELABUHAN KUANTAN SEBAGAI GERBANG UTAMA BAGI PERDAGANGAN DAN INDUSTRI BAGI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG.

13. SALAH SATU INDUSTRI YANG AKAN DIBERIKAN PENEKANAN DALAM USAHA MEMBANGUNKAN BANDAR PELABUHAN KUANTAN IALAH SEKTOR AUTOMOTIF. BANDAR PELABUHAN KUANTAN AKAN DIJADIKAN SEBAGAI SEBUAH PINTU MASUK NASIONAL BAGI PENGIMPORAN DAN PENGEDARAN KENDERAAN.

14. DI SAMPING ITU, PENGLIBATAN DALAM PEMBUATAN KENDERAAN SERTA KOMPONEN AUTOMOTIF JUGA AKAN TURUT DIPERKASA. UNTUK ITU, KITA AKAN MENGGALAKKAN SYARIKAT PEMBEKALAN KOMPONEN KENDERAAN BERTARAF ANTARABANGSA UNTUK MELABUR DI TAMAN INDUSTRI AUTOMOTIF DI PERAMU, PEKAN. SYARIKAT MILIK BUMIPUTERA JUGA AKAN DIGALAKKAN UNTUK MELIBATKAN DIRI DALAM INDUSTRI AUTOMOTIF.

15. SELAIN INDUSTRI AUTOMOTIF, INDUSTRI MAKANAN HALAL JUGA AKAN TURUT DIBERI PERHATIAN. UNTUK ITU, SEBUAH TAMAN INDUSTRI HALAL AKAN DIBANGUNKAN DI GAMBANG. PEMBINAAN TAMAN INDUSTRI HALAL INI AKAN MEMASTIKAN PENGIKTIRAFAN AMALAN DAN PRODUK HALAL DI PERINGKAT ANTARABANGSA, DAN SETERUSNYA MEMARTABATKAN PRODUK-PRODUK HALAL BUATAN MALAYSIA SEBAGAI PRODUK PILIHAN GLOBAL.

16. SETERUSNYA, BAGI MEMANFAATKAN KEDUDUKAN STRATEGIK KAWASAN BENTONG DALAM KONTEKS LIMPAHAN INDUSTRI PEMBUATAN DI LEMBAH KELANG, KITA AKAN MEWUJUDKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BERCAMPUR DI KAWASAN BENTONG. KAWASAN INI AKAN MEMBERIKAN FOKUS TERHADAP INDUSTRI BERASASKAN SUMBER SEPERTI PEMBUATAN HILIRAN BERASASKAN GETAH DAN KAYU. SELAIN ITU, KAWASAN PERINDUSTRIAN INI JUGA AKAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA AKTIVITI PEMBUATAN KOMPONEN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK.

17. BAGI MEMACU PERTUMBUHAN BANDAR PELABUHAN KUANTAN SEBAGAI SEBUAH HAB PEMBUATAN DAN LOGISTIK YANG UTAMA, PELBAGAI PRASARANA AKAN DIBANGUNKAN. INI TERMASUKLAH PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PELABUHAN SERTA PELUASAN KAWASAN PERINDUSTRIAN YANG SEDIA ADA. DI SAMPING ITU, KELOMPOK PERINDUSTRIAN MINYAK SAWIT (P.O.I.C.), KAWASAN BEBAS CUKAI, PERBANDARAN BARU DAN PUSAT LOGISTIK JUGA AKAN TURUT DIBANGUNKAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

18. SATU KAJIAN WORLD BANK BARU-BARU INI TELAH MENDAPATI BAHAWA PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERASASKAN SEKTOR PERTANIAN ADALAH EMPAT KALI GANDA LEBIH BERKESAN DALAM MEMBASMI KEMISKINAN, BERBANDING PEMBANGUNAN DALAM SEKTOR-SEKTOR LAIN. OLEH ITU, PERHATIAN AKAN TURUT DIBERIKAN TERHADAP PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR.

19. ANTARA USAHA YANG AKAN DIBERIKAN PENEKANAN KHUSUS ADALAH PROGRAM TERNAKAN LEMBU, YANG AKAN DIJALANKAN SECARA BERSEPADU DI SELURUH NEGERI PAHANG. INI AKAN MELIBATKAN PENGENALAN PROJEK INTEGRASI TERNAKAN LEMBU DI KAWASAN TANAMAN KELAPA SAWIT SERTA PROJEK PEMBIAKAN LEMBU DI JENGA, BERA DAN MUADZAM SHAH. MELALUI PROJEK INTEGRASI SEBEGINI, PENGGUNAAN KAWASAN LADANG AKAN DAPAT DIOPTIMUMKAN, DAN PEMBUKAAN TANAH BARU BAGI TUJUAN PENTERNAKAN AKAN DAPAT DIELAKKAN.

20. KEJAYAAN PROGRAM PENTERNAKAN BERSEPADU TERSEBUT AKAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA BAKA TERNAKAN YANG BERKUALITI TINGGI. UNTUK ITU, SATU PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBIAKAN BAKA LEMBU AKAN DIWUJUDKAN DI MUADZAM SHAH, ROMPIN. PUSAT PENYELIDIKAN INI AKAN MEMBERIKAN TUMPUAN KEPADA PEMBIAKAN BAKA DAN LEMBU INDUK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PENTERNAKAN DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR.

21. PROGRAM PERTANIAN BERSKALA BESAR AKAN TURUT DIBERIKAN TUMPUAN. KONSEP PERLADANGAN KONTRAK AKAN DIPERKENALKAN, DI MANA SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERPILIH AKAN BERTINDAK SEBAGAI SYARIKAT INDUK YANG AKAN MEMBANTU PARA PENGUSAHA DAN PETANI UNTUK MEMASARKAN BARANGAN MEREKA. SYARIKAT INDUK TERSEBUT AKAN BERPERANAN UNTUK MENGAWALSELIA KUALITI PRODUK PERTANIAN DAN MENGENALPASTI POTENSI BAGI PEMASARAN SECARA MELUAS.

22. BAGI FASA PERTAMA PROGRAM PERLADANGAN KONTRAK INI, SEBUAH TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN AKAN DIWUJUDKAN DI LANCHANG, BAGI TUJUAN PENANAMAN BUAH-BUAHAN SEPerti BETIK, NANGKA DAN JAMBU BATU. BAGI MENJAMIN KUALITI PRODUK, SEBUAH PUSAT PENGUMPULAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMEROSSESAN JUGA AKAN DIWUJUDKAN DI KAWASAN YANG SAMA.

23. INDUSTRI PERIKANAN JUGA TURUT DIBERI PERHATIAN DALAM PELAKSANAAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. DUA PUSAT PENGELUARAN DAN PEMASARAN BAGI BAKA IKAN AIR TAWAR DAN AIR PAYAU AKAN DIWUJUDKAN DI BENTONG DAN KUALA PAHANG. USAHA INI DIJANGKA AKAN DAPAT MEWUJUDKAN BANYAK PELUANG PERNIAGAAN, DI SAMPING MEMBANTU PARA PENTERNAK IKAN DI WILAYAH INI UNTUK MENGAUT HASIL YANG LEBIH LUMAYAN.

24. SEPerti YANG SAYA NYATAKAN SEBENTAR TADI, KITA MELIHAT PERTANIAN SEBAGAI SATU WADAH PEMBASMIAN KEMISKINAN DAN PENINGKATAN TARAF HIDUP BAGI MASYARAKAT LUAR BANDAR DI WILAYAH INI. UNTUK ITU, KITA AKAN MELAKSANAKAN PROJEK AGROPOLITAN DENGAN MEWUJUDKAN KAWASAN PERLADANGAN YANG AKAN DIURUSKAN SECARA BERPUSAT, LENGKAP DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN SEPerti JALAN RAYA, SERTA BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR.

25. KITA AKAN MENEMPATKAN SEMULA KELUARGA-KELUARGA YANG HIDUP DI BAWAH GARISAN KEMISKINAN TEGAR DI ZON-ZON AGROPOLITAN YANG BAKAL DIWUJUDKAN INI. SETIAP PESERTA AKAN DIBERIKAN KEDIAMAN DAN TANAH UNTUK PENTERNAKAN, PENANAMAN ATAU AKUAKULTUR SECARA KOMERSIL DI SEKELILING RUMAH MEREKA.

26. PROJEK AGROPOLITAN INI AKAN DIMULAKAN DI NEGERI PAHANG DENGAN PEMBANGUNAN DUA ZON DI DAERAH PEKAN SERTA DAERAH LIPIS, YANG MASING-MASING AKAN MELIBATKAN 3,000 DAN 2,000 KELUARGA. SECARA KESELURUHANNYA, PROJEK AGROPOLITAN INI DIJANGKA AKAN DAPAT MEMBERI FAEDAH YANG BERGANDA KEPADA KELUARGA-KELUARGA YANG MASIH BERADA DI BAWAH GARISAN KEMISKINAN TEGAR. DI SAMPING ITU, ZON AGROPOLITAN INI JUGA DIJANGKA AKAN DAPAT MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN PUSAT PERTUMBUHAN DI LUAR BANDAR, SETERUSNYA MENJAMIN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH MELUAS DAN SAKSAMA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

27. BAGI MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DI NEGERI PAHANG, SEKTOR PELANCONGAN AKAN TURUT DIBERI PERHATIAN. DUA PROJEK PENERAJU PELANCONGAN BERSEPADU AKAN DIBANGUNKAN DI PANTAI SEPAT, KUANTAN DAN KUALA PAHANG DI PEKAN. KEDUA-DUA PROJEK INI AKAN DIMAJUKAN SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN PESISIR PANTAI YANG BERUPAYA UNTUK MENJADI DESTINASI YANG MENARIK UNTUK DIKUNJUNGI, KHUSUSNYA BAGI PELANCONG ASING.

28. UNTUK MENGIMBANGI ASPEK PEMBANGUNAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR, TASIK CHINI AKAN DIWARTAKAN SEBAGAI SEBUAH TAMAN NEGERI. APABILA USAHA PEMULIHARAAN TASIK INI SELESAI, IA AKAN MENINGKATKAN DAYA TARIKAN PELANCONGAN DAN SETERUSNYA MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI PENDUDUK, KHASNYA BAGI GOLONGAN ORANG ASLI DI SINI.

29. SATU LAGI SEKTOR YANG AKAN TURUT DIBERI PENEKANAN DALAM PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR ADALAH SEKTOR PENDIDIKAN. UNTUK ITU, SELARI DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI PEMBUATAN DI WILAYAH INI, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (U.M.P.) AKAN DIBANGUNKAN DI PEKAN BAGI MENYEDIAKAN PROGRAM-PROGRAM KEMAHIRAN DAN KURSUS-KURSUS BERKAITAN SAINS DAN TEKNOLOGI SEPERTI KEJURUTERAAN AWAM, KIMIA, MEKANIKAL, DAN SEUMPAMANYA.

30. SELAIN ITU, PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN AKADEMIK YANG SEDIA ADA DI PAHANG AKAN TURUT MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENYEDIAKAN MODAL INSAN BERKUALITI BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR.

31. PADA MASA YANG SAMA, RANCANGAN INI JUGA TURUT MEMBERIKAN TUMPUAN TERHADAP PEMBANGUNAN DI DAERAH MERSING DI JOHOR.

32. ANTARA FOKUS UTAMA DALAM PEMBANGUNAN MERSING ADALAH PENEKANAN TERHADAP SEKTOR PELANCONGAN. KITA AKAN MENGGALAKKAN USAHA MEMBINA KEMUDAHAN SEPERTI HOTEL DAN RESORT UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DATANG KE MERSING.

33. SEKTOR PERTANIAN JUGA AKAN TURUT DIBERI PERHATIAN. UNTUK ITU, DAERAH MERSING AKAN DIJADIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PEMBANGUNAN LEMBAH AGRO YANG TURUT MERENTASI DAERAH ROMPIN DAN PEKAN, DAN AKAN MENUMPUKAN USAHA TERHADAP PENGELUARAN MAKANAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

34. PAMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR MERUPAKAN SATU USAHA YANG MEMERLUKAN PENDEKATAN YANG MENYELURUH DAN BERSEPADU. PELBAGAI PRASARANA DAN INSENTIF PERLU DISEDIAKAN BAGI MEMACU PEMBANGUNAN YANG DIHARAPKAN.

35. PADA MASA INI, KEWUJUDAN FASA PERTAMA LEBUHRAYA PANTAI TIMUR YANG MENGHUBUNGAN PANTAI BARAT SEMENANJUNG DAN PANTAI TIMUR TELAH BANYAK MEMBERI MANFAAT DAN KELEBIHAN KEPADA NEGERI PAHANG. UNTUK MELANCARKAN LAGI URUSAN PERNIAGAAN DAN PENGANGKUTAN DI NEGERI

PAHANG, FASA KEEMPAT LEBUHRAYA PANTAI TIMUR DICADANGKAN BAGI MENGHUBUNGKAN KUANTAN DENGAN JOHOR BHARU.

36. SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA KEMUDAHAN PENGANGKUTAN DARAT YANG SEDIA ADA, JALAN RAYA YANG MENGHUBUNGKAN KUALA LIPIS, RAUB, BENTONG, DAN KUALA PILAH DICADANG DILEBARKAN DARIPADA DUA LORONG KEPADA EMPAT LORONG. INI SETERUSNYA AKAN MEMBAWA KEPADA PEMBANGUNAN SEBUAH LALUAN TULANG BELAKANG TENGAH SEMENANJUNG YANG AKAN MEMUDAHKAN PENGANGKUTAN DI ANTARA KOTA BHARU, GUA MUSANG, KUALA LIPIS, BENTONG, KUALA PILAH DAN SEREMBAN.

37. SEJAJAR DENGAN USAHA MENJADIKAN NEGERI PAHANG SEBAGAI PUSAT LOGISTIK BAGI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR, LAPANGAN TERBANG KUANTAN AKAN BERFUNGSI SEBAGAI PUSAT PENGAGIHAN KARGO UDARA DAN LAPANGAN TERBANG PENTING. USAHA INI AKAN MELIBATKAN KERJA-KERJA PEMANJANGAN LANDASAN DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN.

38. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR JUGA AKAN TURUT DILAKSANAKAN BAGI DAERAH MERSING. PELBAGAI KEMUDAHAN AWAM SEPERTI BEKALAN AIR, ELEKTRIK SERTA SISTEM PEMBETUNGAN DI GUGUSAN KEPULAUAN DISEKITAR MERSING AKAN DIPERTINGKATKAN.

39. KITA JUGA AKAN MEMPERBAIKI KEMUDAHAN JALAN RAYA YANG SEDIA ADA, SERTA MEMBINA LALUAN BARU AGAR JARINGAN HUBUNGAN ANTARA MERSING DAN PUSAT-PUSAT PERTUMBUHAN LAIN AKAN DAPAT DITINGKATKAN. KEMUDAHAN JETI YANG MENGHUBUNGKAN TANAH BESAR KE PULAU-PULAU JUGA AKAN DIPERTINGKATKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN YANG DIJANGKA MENINGKAT.

40. SELAIN DARIPADA INFRASTRUKTUR FIZIKAL, PELBAGAI INSENTIF KEWANGAN DAN SEBAGAINYA AKAN TURUT DISEDIAKAN BAGI MEMACU PERTUMBUHAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR, KHUSUSNYA BAGI NEGERI PAHANG. MAKLUMAT TERPERINCI TENTANG PAKEJ INSENTIF BERKENAAN AKAN DIUMUMKAN KELAK.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

41. SAYA MELIHAT PERANCANGAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI SEBAGAI SATU TANGGUNGJAWAB BESAR YANG PERLU KITA GALAS BERSAMA. JUMLAH PELABURAN YANG TERLIBAT BUKANNYA SEDIKIT. JANGKA MASA YANG DIRANCANGKAN PULA BUKAN HANYA SETAHUN DUA, MALAH MENJANGKAU LEBIH DARIPADA SATU DEKAD.

42. MARILAH KITA JADIKAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI SEBAGAI SATU USAHA YANG AKAN DAPAT MENYUSUN LANGKAH KITA DEMI MENGEJAR PEMBANGUNAN YANG LEBIH SEIMBANG DAN MELUAS.

43. SEMOGA USAHA KITA INI AKAN DIBERKATI, DILIMPAHI DAN DILINDUNGI ALLAH S.W.T. JUA. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN RANGKA TINDAKAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR BAGI PERINGKAT NEGERI PAHANG DAN DAERAH MERSING, JOHOR.

SEKIAN, TERIMA KASIH.